

29/05/1997

HMM karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbani

Tunku Kudin Tunku Yaacob

SAYA tertarik dengan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena ulang tahun ke-51 penubuhan UMNO pada 11 Mei 1997, akan amanatnya kepada ahli UMNO dan generasi Melayu supaya tidak harus melupakan sejarah bangsa.

Saya ingin merakamkan kembali amanat beliau itu: "Kita harus tahu sejarah kerana sejarah memberi panduan pada kita. Kalau kita tidak tahu dari mana kita datang, sukar untuk menentukan ke mana kita akan pergi. Sejarah memainkan peranan amat penting bagi sesuatu bangsa. Bangsa yang tidak tahu sejarahnya tak mungkin mencapai kejayaan."

Saya perturunkan amanat yang diberikan Sir Gerald Templer pada 1953: "A nation that does not look back with pride upon its past, can never look forward with confidence towards its future."

"If the past is not to be lost forever, we have to begin now to spread the appreciation of it among the people by every means that comes to hand ... And I appeal to men and women all over the Federation, whoever they may be, to come forward and lend a hand in its work and so help to build that sense of nationhood which we so badly need."

Menyahut seruan Sir Gerald Templer itu, maka K G Tregonning (Lecturer of History, University of Malaya, 1957) menulis buku sejarah World History For Malaysians From Earliest Times to 1511.

Tulisan beliau mengenai Langkasuka cukup penting diteliti kerana Langkasuka kebelakangan ini menjadi topik yang hangat diperdebatkan sejarawan tempatan dan barat, terutamanya dalam menentukan lokasinya.

Langkasuka dikatakan sebuah negara kota tua dan juga dikatakan Kedah Purba, tetapi hingga sekarang kewujudan dan lokasinya masih dipertikai banyak pihak.

Dalam Hikayat Merong Mahawangsa (HMM), Langkasuka disebut hanya tiga kali saja dan nama Langkasuka tidak pernah disebut dalam mana-mana catatan sejarah Siam (sekarang Thailand).

Orientalis Barat dan Thailand menyelewengkan sejarah Langkasuka/Kedah untuk kepentingan masing-masing. Tambahan pula R O Winstedt mendakwa HMM tidak lebih daripada sekumpulan cerita khayalan.

Sejak itu (1915) HMM tidak lagi diminati, dibaca dan dikaji hinggalah selepas Merdeka (1957) dan itu pun tidak menyeluruh.

Profesor Dr Siti Hawa Salleh menyatakan Langkasuka bukanlah negeri Kedah, tetapi besar kemungkinan Kedah sebahagian jajahan takluk Langkasuka (Siti Hawa Salleh, 1985, hlm XLV).

Apa juga kesilapan kita dan penyelewengan sejarah yang dilakukan orientalis Barat mengenai Langkasuka/Kedah, pada hemat saya tidaklah terlalu lewat untuk diperbetulkan.

Tokoh sejarah perlu membuat sesuatu dengan segera, memperbetulkannya dan jangan pandang sepi demi keagungan bangsa dan tanah air. Pihak berkenaan hendaklah mengiktiraf HMM sebagai karya sejarah Kedah.

Dan akhir-akhir ini dengan penemuan kitab Tarikh Fathani karya Sheikh Faqih Ali bin Wan Muhammad bin Sheikh Safiyuddin, maka bolehlah dihubungkan dengan catatan sejarah Langkasuka/Kedah yang tercatat dalam HMM. Dengan demikian akan memberi arah baru dalam penyelidikan sejarah Kedah.

Untuk mencetuskan bahan perbincangan di kalangan peminat sejarah, saya membuat kesimpulan iaitu Hikayat Merong Mahawangsa dikarang oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, tempatnya di Teluk Ayer Tawar, Seberang Prai, Pulau Pinang dan waktunya dalam tahun 1829/1830!

Bacalah cerpen Unting Kasih (Berita Minggu, 4 Mei 1997) karya A Rahmad, dan itulah kisah hasil pertemuan saya dengan Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Besar Kedah.

(END)